

PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENILAIAN AKHLAK PELAJAR DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI AWAM

ADIBAH BINTI ABDUL LATIF

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENILAIAN AKHLAK PELAJAR DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI AWAM

ADIBAH BINTI ABDUL LATIF

Tesis ini dikemukakan bagi
memenuhi syarat ijazah penganugerahan
Doktor Falsafah (Pengukuran dan Penilaian)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2013

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya, rahmat Nya dan nikmatNya, dapat saya menyiapkan tesis untuk projek Doktor Falsafah ini. Saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat Profesor Dr Mohamad Najib bin Abdul Ghafar selaku penyelia saya kerana beliau terlalu banyak membimbing saya, memberikan kata-kata semangat, memberi cabaran dan kritikan untuk saya sentiasa kuat dan sentiasa positif dalam proses menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof Dr Abdul Hafidz bin Omar, Prof Dr Noor Azlan bin Ahmad Zanzali serta Prof Madya Dr Mohd Majid bin Konting atas sokongan dan panduan yang diberikan semasa menilai saya. Begitu juga ucapan terima kasih ini ingin saya berikan kepada Prof Saidfuddin Mas'udi, Dr Azrilah binti Abdul Aziz, Prof Trever Bond, Prof Mike Linacre , Prof Dr Ramayah dan Prof Madya Dr Ajmain bin Safar kerana sentiasa memberi tunjuk ajar dan respon atas segala pertanyaan saya dengan begitu pantas.

Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah membiayai pengajian saya. Begitu juga sekalung penghargaan buat Dekan Fakulti Pendidikan, Prof Dr Salleh B. Abu, Ketua Jabatan Asas Pendidikan, PM Dr Abdul Rahim bin Hamdan, kakitangan akademik dan para pensyarah Fakulti Pendidikan, kakitangan Pembangunan Sumber Manusia UTM dan Fakulti Pendidikan kerana banyak membantu melicinkan proses perjalanan sepanjang saya menyiapkan tesis ini.

Segala jasa baik yang diberikan akan kekal diingati dan semoga segala kerjasama yang diberikan akan dibalas oleh Allah jua.

DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga buat

Kedua ibu bapa kesayanganku

Kalsum binti Sabami dan Abdul Latif bin Ambok Lilang

Kedua ibu bapa mertuaku

Noor Hapipah binti Ahmad dan Ahmad Johari bin Tawil

Suami tercinta

Izhar Zulfakar bin Muhammad Firuz

Anak-anak yang dikasihi

Bahrul Ilmi dan Muizzul Muttaqin

Adik beradik yang sentiasa membakar semangat

Azlan Shah dan Hidayah

Keluarga dan saudara mara yang dihormati

Sahabat yang sentiasa di sisi

Kak Dayang, Kak Dila, Zairul Nor Deana, Fatin Aliah, Kak Jah dan Kak Narina

Semoga kehidupan kalian sentiasa dilimpahi rahmat Allah di dunia dan akhirat.

Kasih sayang ku buat kalian kekal abadi..

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) di peringkat pengajian tinggi. Instrumen ini memfokuskan tiga konstruk iaitu pertuturan, perilaku dan personaliti. Item yang dibina merujuk kepada dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan Intipati Ihya' Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali. Konstruk dan definisinya telah dibina hasil temu bual berstruktur ke atas lima orang pensyarah dalam pengkhususan bidang akhlak. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 60 orang pelajar dari sebuah universiti tempatan bagi mendapatkan kesahan serta kebolehpercayaan instrumen. Berdasarkan dapatan kajian rintis, skala pengukuran telah diubah dari lima ke empat sub skala dan 12 item telah digugurkan. Kajian kebolehpercayaan diuji menggunakan teknik uji ulang uji. Ujian pertama ditadbir pada awal semester dan ujian kedua ditadbir tiga bulan selepas itu. Kajian tinjauan dijalankan kepada 400 orang pelajar dari empat buah universiti awam. Data dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch. Dapatan menunjukkan IMPAK mempunyai kesahan konstruk yang baik. Kebolehpercayaan item dan individu adalah sangat tinggi serta skala pengukuran boleh difahami pelajar. Konstruk mempunyai ciri unidimensi dan 64 item kekal sepadan dengan model. IMPAK didapati bebas dari bias mengikut gender. Tahap akhlak mahasiswa secara keseluruhan berada pada aras keupayaan logit yang baik. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap akhlak mengikut bangsa dan aliran pendidikan. Adalah dicadangkan agar pelajar, pensyarah, ibu bapa, masyarakat, pengurusan IPTA dan KPT mewujudkan satu mekanisme bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dalam domain afektif.

ABSTRACT

This study is designed to develop Students' Akhlak Evaluation Instrument (IMPAK) in higher education institutions. The instrument is focused on three constructs which are behaviour, oral communication and personality. The instrument items were developed from two main references that are al-Qur'an and Intipati Ihya' Ulumuddin by Imam al-Ghazali. The constructs and their definitions were obtained from structured interviews of five lecturers who specialize in akhlak field. The instrument was pilot tested on 60 students from one local university to find the validity and reliability of the instrument. Based on the results of the pilot test, the rating scale was changed from 5 to 4 subscales and 12 items were omitted. The reliability test used test retest technique. The first test was administered at the start of the semester and the second test was administered three months later. The survey research was conducted on 400 students from four public universities. The data was analyzed using Rasch Measurement analysis. The findings showed that IMPAK has good construct validity. Item and individual reliability was very high and the rating scale was understood by the students. The constructs were unidimensional and 64 items remain fit with the model. The IMPAK was free from gender bias. Generally, the level of students' akhlak was at good logit achievement. There is no significant difference in akhlak level across races and educational stream. It is recommended that relevant entities such as students, parents, higher education and MOHE establish a mechanism for developing well-rounded students especially in affective domain.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENAKUAN PELAJAR	ii
	PENGHARGAAN	iii
	DEDIKASI	vi
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Rasional Kajian	12
	1.7 Kepentingan kajian	13
	1.7.1 Pelajar	13
	1.7.2 Pensyarah	14
	1.7.3 Ibu Bapa	15

1.7.4 Masyarakat	16
1.7.5 Universiti	16
1.7.6 Kementerian Pengajian Tinggi	17
1.8 Skop dan Kekangan Kajian	18
1.9 Kerangka Teori Kajian	19
1.10 Definisi Istilah	26
1.10.1 Pembangunan Instrumen	26
1.10.2 Penilaian	26
1.10.3 Akhlak	29
1.11 Rumusan	31
2 SOROTAN KAJIAN	34
2.1 Pendahuluan	34
2.2 Konsep Akhlak	35
2.3 Kepentingan Akhlak	41
2.4 Akhlak dalam Pertuturan	43
2.5 Akhlak dalam Perilaku	52
2.6 Akhlak dalam Personaliti	60
2.7 Penilaian	65
2.8 Penilaian Kendiri	67
2.9 Penilaian Rakan Sebaya	73
2.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan	78
2.11 Teori Peribadi Imam al- Ghazali	81
2.12 Teori Penaakulan Moral Lawrence Kohlberg	88
2.13 Teori Konstruktivisme	91
2.14 Teori Perbezaan Gender	95
2.15 Teori Respon Item	96
2.16 Model Pembinaan Instrumen	99
2.17 Kajian- Kajian Lalu	101
2.18 Rumusan	108

3	METODOLOGI KAJIAN	110
3.1	Pendahuluan	110
3.2	Reka Bentuk Kajian	111
	3.2.1 Peringkat I: Mereka Bentuk Instrumen	112
	3.2.2 Peringkat II: Pengesahan Instrumen	114
	3.2.3 Peringkat III: Pembinaan Profil	117
3.3	Populasi dan Sampel	118
3.4	Teknik Persampelan	119
3.5	Instrumen Kajian	121
3.6	Kesahan	127
3.7	Kebolehpercayaan	128
3.8	Analisis Data	129
3.9	Kajian Rintis	132
	3.9.1 Kebolehpercayaan Instrumen	132
	3.9.2 Kalibrasi Skala Pemeringkatan	134
	3.9.3 Polariti Item bagi Sub Konstruk IMPAK	136
	3.9.4 Mengesan Kesepadanan Item (<i>Item Fit</i>) Konstruk IMPAK Rintis	137
	3.9.5 Item yang Perlu Dibuang dan Dikekalkan	139
	3.9.6 Profiling Akhlak Pelajar bagi Kajian Rintis	140
	3.10 Perancangan Tempoh Penyelidikan	141
	3.11 Rumusan	144
4	ANALISIS DATA	145
4.1	Pendahuluan	145
4.2	Laporan Analisis Kualitatif	146
4.3	Laporan Kebolehpercayaan Menggunakan Kaedah Uji Ulang Uji	152
	4.3.1 Demografi Responden	152
	4.3.2 Analisis Kebolehpercayaan Item dan Individu	153
	4.3.3 Analisis Kalibrasi Skala Pemeringkatan	154

4.3.4	Analisis Dimensi	156
4.3.5	Analisis Polariti Item	157
4.3.6	Analisis Kesepadan Item	157
4.3.7	Analisis Item Kebezaan Kefungsian Gender	158
4.3.8	Profil Akhlak Pelajar Kajian Tinjauan	162
4.3.9	Analisis Ujian t Tahap Akhlak Mengikut Gender	169
4.3.10	Analisis Ujian ANOVA Tahap Akhlak mengikut Agama	170
4.3.11	Analisis Ujian t Tahap Akhlak mengikut Aliran	170
4.3.12	Analisis Kebolehpercayaan Uji Ulang Uji	171
4.4	Laporan Kajian Tinjauan	172
4.4.1	Demografi Responden	172
4.4.2	Analisis Kebolehpercayaan Item dan Individu	173
4.4.3	Analisis Kalibrasi Skala Pemeringkatan	175
4.4.4	Analisis Dimensi	177
4.4.5	Analisis Polariti Item	178
4.4.6	Analisis Kesepadan Item	178
4.4.7	Analisis Kebezaan Kefungsian Gender	179
4.4.8	Profil Tahap Akhlak Pelajar Kajian Tinjauan	182
4.4.9	Analisis Ujian t Tahap Akhlak Mengikut Gender Kajian Tinjauan	189
4.4.10	Analisis Ujian ANOVA Tahap Akhlak Mengikut Agama	189
4.4.11	Analisis Ujian t Tahap Akhlak Mengikut Aliran	190
4.5.	Ringkasan Analisis	191
4.6	Rumusan	197
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	198
5.1	Pendahuluan	198
5.2	Perbincangan	198
5.2.1	Pembentukan Konstruk dalam Instrumen	199
5.2.2	Ciri Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK)	201

5.2.3	Profil Akhlak Pelajar	213
5.3	Kesimpulan Perbincangan	227
5.3.1	Kesimpulan Keseluruhan Perbincangan	227
5.4	Cadangan Kajian	228
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	236
5.6	Penutup	238
RUJUKAN		239
(Lampiran A-F)		269-288

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Peringkat umur dalam perkembangan Teori Peribadi Sigmen Frued	87
2.2	Peringkat umur dalam perkembangan Teori Peribadi Erik Erikson	87
2.3	Perbandingan antara teori pembinaan ujian	100
3.1	Analisis meta data pembinaan sub konstruk IMPAK	115
3.2	Jumlah Responden mengikut analisis Rasch Model	118
3.3	Teknik persampelan bagi kajian tinjauan	120
3.4	Teknik persampelan bagi kajian kebolehpercayaan uji ulang uji	120
3.5	Pembinaan item dan rujukannya bagi aspek pertuturan, perilaku dan personality	123
3.6	Nilai k dalam Fleiss' Kappa	128
3.7	Analisis data bagi objektif kajian	129
3.8	Kebolehpercayaan tahap persetujuan item IMPAK rintis	132
3.9	Kebolehpercayaan tahap persetujuan individu IMPAK rintis	133
3.10	Kebolehpercayaan item 9 sub konstruk IMPAK	133
3.11	Kalibrasi struktur skala pemeringkatan	135
3.12	Polariti Item 9 Sub Konstruk IMPAK	137
3.13	Ketidakpadanan Item 9 sub konstruk IMPAK	138
3.14	Rumusan analisis konstruk IMPAK	139
3.15	Petunjuk nilai logit	141
4.1	Analisis data kualitatif 1	146
4.2	Analisis data kualitatif 2	148
4.3	Analisis data kualitatif 3	149

4.4	Analisis demografi responden bagi kajian kebolehpercayaan menggunakan kaedah uji ulang uji	152
4.5	Kebolehpercayaan item uji ulang uji	153
4.6	Kebolehpercayaan individu uji ulang uji	153
4.7	Ringkasan struktur kategori skala pemeringkatan	154
4.8	Dimensionaliti kajian kebolehpercayaan uji ulang uji	156
4.9	Analisis polariti item kajian kebolehpercayaan uji ulang uji	157
4.10	Analisis ketidak padanan item ujian kebolehpercayaan uji ulang uji	158
4.11	Analisis kebezaan kefungsi gender	158
4.12	Tahap kesukaran persetujuan item tadbiran pertama	163
4.13	Tahap kesukaran persetujuan item tadbiran kedua	167
4.14	Ujian t mengikut gender	169
4.15	Ujian t mengikut Agama	170
4.16	Ujian t mengikut aliran	170
4.17	Korelasi kebolehpercayaan uji ulang uji	171
4.18	Korelasi kebolehpercayaan ujian bahagi dua Guttman	171
4.19	Analisis demografi responden bagi kajian tinjauan	172
4.20	Kebolehpercayaan item	173
4.21	Kebolehpercayaan Individu	174
4.22	Ringkasan struktur kategori skala pemeringkatan	175
4.23	Dimensi kajian tinjauan	177
4.24	Polariti item 9 sub konstruk IMPAK	178
4.25	Kesepadanan item kajian tinjauan	178
4.26	Kebezaan kefungsi item gender	179
4.27	Tahap kesukaran persetujuan item kajian tinjauan	183
4.28	Ujian t tahap akhlak mengikut gender bagi kajian tinjauan	189
4.29	Analisis ujian t tahap akhlak mengikut agama	189
4.30	Ujian t tahap akhlak mengikut aliran bagi kajian tinjauan	190
4.31	Rumusan Analisis Kajian bagi Kajian Tinjauan dan Kajian Tinjauan Perbandingan	191

4.32	Profil tahap akhlak pelajar IPTA di Malaysia	192
5.1	Item mudah bagi kajian rintis, kajian kebolehpercayaan uji ulang uji dan kajian tinjauan	216
5.2	Item sukar bagi kajian rintis, kajian kebolehpercayaan uji ulang uji dan kajian tinjauan	219
5.3	Tahap akhlak pelajar bagi tadbiran 1 dan 2	229
5.4	Ramalan tahap akhlak pelajar	229

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka teori kajian	33
2.1	Teori Penilaian sendiri, Sumber : Rolheiser (1996)	72
2.2	Teori Perkembangan Penaakulan Moral Kohlberg	94
2.3	Model pembinaan ujian McIntire dan Miller (2007)	101
3.1	Prosedur pembangunan instrumen penilaian akhlak pelajar	112
3.2	Prosedur merekabentuk instrumen	114
3.3	Prosedur pengesahan instrumen	117
3.4	Prosedur pembinaan profil akhlak pelajar	118
3.5	Dapatan daripada temubual awal terhadap pembinaan Instrumen	122
3.6	Persilangan struktur pengukuran skala pemeringkatan	136
3.7	Profil akhlak pelajar bagi kajian rintis	140
3.8	Kerangka operasional kajian pembangunan instrumen penilaian akhlak pelajar	143
4.1	Ukuran struktur pada persilangan skala pemeringkatan	155
4.2	Peta individu-Item bagi tahap akhlak pelajar kajian kebolehpercayaan tadbiran pertama	162
4.3	Peta individu-item bagi tahap akhlak pelajar kajian kebolehpercayaan tadbiran kedua	166

4.4	Ukuran struktur pada persilangan skala pemeringkatan	176
4.5	Peta individu-Item bagi Tahap Akhlak Pelajar Kajian tinjauan mengikut Kesukaran Item	182
4.6	Peta Item-Individu bagi Tahap Akhlak Pelajar Kajian Tinjauan mengikut Keupayaan Pelajar	185

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

SINGKATAN	DESKRIPSI
AADK	- Agensi Antidadah Kebangsaan
HEP	- Hal Ehwal Pelajar
IMPAK	- Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar
IPAPSM	- Inventori Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah
IPPBM	- Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
IPT	- Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	- Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	- Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAIS	- Jabatan Agama Islam Selangor
JKM	- Jabatan Kebajikan Masyarakat
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	- Kementerian Pengajian Tinggi
LPM	- Lembaga Peperiksaan Malaysia
MRPI	- Muslim Religiosity and Personality Inventory
PhD	- Ijazah Doktor Falsafah
PIPP	- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PDRM	- Polis Di Raja Malaysia
PBS	- Pentaksiran berasaskan sekolah
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
PSMR	- Pentaksiran Sekolah Menengah Rendah
PSR	- Pentaksiran Sekolah Rendah
RMK9	- Rancangan Malaysia ke sembilan
SPMM	- Sistem Pentaksiran Murid Musleh

- SPIIP-M - Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Sekolah Menengah
- SPPK - Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
- UPSR - Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Dapatan temubual kajian kualitatif	269
B	Kaedah pengiraan Fleiss Kappa	280
C	IMPAK	285

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Modal insan adalah pekerja, tenaga manusia dan sumber manusia yang mempunyai gabungan kompetensi seperti pengetahuan, ciri-ciri personaliti dan sosial yang baik, serta berkeupayaan melaksanakan pekerjaan atau tugas dengan produktif dan efisien (Andrew, 2012; Jaison & Richard, 2009 dan Muhamad Zainiy Othman, 2012). Modal insan juga merupakan salah satu aspek yang perlu ditekankan bagi menjamin kemajuan dan kemakmuran negara (Ahmad Sarji, 2003; Muhamad Zainiy Othman, 2012 dan Amla, 2010). Pendidikan adalah salah satu dari medium utama dalam pembentukan sumber modal insan yang cemerlang dari pelbagai aspek merangkumi rohani, intelek, emosi dan jasmani. Sektor pendidikan telah berkembang pesat dalam meningkat akses, ekuiti dan kualiti dalam pendidikan. Pelbagai transformasi telah dan perlu dilakukan bagi memantapkan sistem pendidikan negara ke tahap yang setara dengan negara maju dan bertaraf dunia (Abdullah Ahmad Badawi, 2006; Andrew, 2012 dan Alan & Spender, 2012).

Banyak perkara yang perlu diperbaiki dan dimantapkan supaya sistem dan institusi pendidikan dapat menghasilkan modal insan yang menguasai ilmu dan kemahiran tinggi serta berakhlak mulia (Abdul Rahman Abdullah, 2001; Harlina, 2006 dan Mahmood Zuhdi, 2010). Pembangunan Modal insan adalah antara agenda

penting negara yang perlu diberi perhatian bagi mengupayakan kapasiti negara ke arah mencapai status negara maju sejajar dengan Wawasan 2020 (Amla, 2010; Ahmad Sarji, 2003 dan Mahmood Zuhi, 2010). Sumber tenaga yang mempunyai kualiti menyeluruh dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu menghadapi cabaran dunia menjelang 2020. Pembangunan kapasiti sumber insan perlu dilaksanakan secara terancang dan berkesan. Usaha melahirkan modal insan yang cemerlang ini dapat diterapkan melalui sistem pendidikan negara yang wajib dilalui oleh semua lapisan masyarakat (Nik Mustapha, 1994; Mustafa, 2009 dan Yahaya, 2008).

Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan kapasiti modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Melalui pendidikan, modal insan boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkat nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Individu yang dihasilkan perlu mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta dan mempelopori teknologi baru, berdaya tahan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang bersifat dinamik (Yahaya Ibrahim, 2010; Azhar & Zawawi, 2009 dan Ibrahim Mamat, 2008).

Bagi mencapai tujuan di atas, pendidikan negara seharusnya bersifat holistik dan bersepadu bagi membangunkan potensi dan fitrah individu secara seimbang. Pendidikan mestilah berupaya melahirkan murid yang berkeperibadian mulia, berilmu dan berkemahiran (Azhar & Zawawi, 2009 ; Hamedah Wok Awang, 2009 dan Ahmad Sarji, 2003). Pembinaan modal insan yang sejajar dengan keperluan masyarakat dan pembangunan negara seperti yang digariskan dalam sembilan cabaran Wawasan 2020 harus terbina melalui institusi sekolah dan kekeluargaan yang dinamik serta disokong oleh nilai-nilai kemasyarakatan yang positif (Azizi Yahya, 2009; Hamedah Wok Awang, 2009 dan Ahmad Sarji, 2003).

Menurut el Muhammadi (1987), pendidikan yang seimbang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses ini melibatkan pembentukan hati, jiwa, akal dan peribadi. Insan yang seimbang dapat dilahirkan melalui sistem pendidikan yang menyeluruh, tidak terpisah-pisah dan berkualiti. Mereka akan dapat

membezakan perlakuan yang baik atau buruk serta kesan-kesan daripada perlakuan mereka (Hassan Langgulung, 1988; Noor Lela, 2008 dan Zaharah Hussin, 2008).

Pendidikan di Malaysia bertanggungjawab menyampaikan pengetahuan kepada pelajar serta menghayati dan mengamalkan ilmu pengetahuan yang diperolehi, membudayakan nilai murni yang dicerapkan serta mempraktikkan kemahiran yang diajar (Amla Mohd Salleh, 2010; Yahaya Ibrahim, 2008; Zakaria, 1994 dan Abdul Zubir, 2007). Kesedaran tentang perkara ini akan mendorong kepada pengupayaan konsep pembangunan berterusan dan pembangunan sumber tenaga berterusan. Tunjang kemanusiaan juga memberi penekanan kepada penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan.

Matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah untuk melahirkan insan cemerlang dari segi keupayaan intelek, kekuatan jasmani, keseimbangan emosi dan kemurnian rohani. Kecemerlangan bermakna seseorang itu memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran, serta berakhlak mulia, berpegang teguh kepada nilai-nilai keagamaan yang dianutinya serta memiliki jasmani yang sihat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Akhlak yang mulia adalah nilai yang sangat penting untuk memberi daya kekuatan kepada murid untuk menghadapi persaingan dan cabaran pada masa hadapan.

Pelajar yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik serta mempunyai nilai penghayatan dalam diri adalah generasi yang dapat membangunkan negara dan bangsa (Ahmad Marzuki Ismail, 2007; Ahmad Diniah, 1995 dan Haron Din, 2007). Tanpa sikap ini, keharmonian dan perpaduan dalam kehidupan berbilang bangsa dan agama sukar diwujudkan. Sikap ini perlu dipupuk sejak peringkat awal persekolahan hinggalah peringkat tertinggi pendidikan (Harlina Halizah Siraj, 2006; Abu Bakar Nordin, 2008 dan Ahmad Marzuki Ismail, 2007).

Akhlak merupakan nilai terpenting yang perlu disempurnakan. Akhlak merupakan perlakuan atau kebiasaan yang dizahirkan seseorang dengan mudah tanpa pertimbangan akal (Ahmad Muhammad, 1978; Haron Din, 2007; Mustafa al-'Adawi, 2005 dan Abu Bakar, 1979). Akhlak yang mulia lahir dari iman dalam jiwa. Ilmu pengetahuan menjadi lebih bernilai jika akhlak mulia menjadi pegangan hidup

seseorang. Imam al-Ghazali menegaskan pendidikan adalah untuk memenuhi minda dengan segala ilmu yang belum diketahui, mendidik akhlak serta jiwa, menanam rasa fadilat atau keutamaan dan membiasakan diri dengan kesopanan yang tinggi serta mempersiapkan diri untuk suatu kehidupan yang sempurna. Jelaslah bahawa akhlak itu merupakan salah satu aspek utama dalam pendidikan (Haron Din, 2007; Ahmed M. Mukarram, 2006; Fariq Gasim Anuz, 2003 dan Hafiz Ghulam Sarwar, 2010).

Kepentingan Akhlak digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006) dalam teras keduanya. Satu perangkaan strategi pembaharuan terhadap struktur kurikulum pendidikan kebangsaan dan sistem pentaksiran kebangsaan telah dirancang sebagai fokus pemantapan sistem pentaksiran yang lebih holistik (Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Strategi ini adalah untuk menjadikan pendidikan lebih bermakna dan tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata (Habsah & Aminuddin, 2009; Ismail Awang, 2009 dan Gitachari & John, 2007).

Aspek kerohanian, sikap dan nilai perlu dibangunkan dengan berkesan supaya insan yang dihasilkan boleh memahami, menghayati dan mengamal nilai dan norma kemasyarakatan yang mencerminkan keperibadian dan menepati identiti Malaysia (Rohana *et al.*, 2010; Mustafa Dakian, 2009 dan Ahmad Marzuki Ismail, 2007). Antara agenda pembangunan modal insan ialah pembentukan individu yang mempunyai keperibadian yang mempamerkan ciri-ciri jati diri yang kukuh, berdaya saing, berilmu pengetahuan, berintegriti, patriotik, rasional dalam tindakan dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan harian. Ciri-ciri ini tidak mampu dinilai melalui pentaksiran kognitif sahaja. Satu pentaksiran alternatif perlu dibentuk supaya aspek afektif dapat dinilai dengan lebih tepat, dan menjadi asas kepada pembinaan akhlak mulia (Tom & Gary, 2007; Abdullah Ahmad Badawi, 2006; Hamedah Wok Awang, 2009 dan Hassan Langgulung, 1995).

Kualiti dalam proses pendidikan boleh dipastikan melalui pemantapan elemen pengukuran dan pentaksiran. Pentaksiran menyeluruh secara formatif dan berterusan kepada pelajar perlu dilakukan (Nik Azis, 1994; Tan, 1996; Secolsky, 2012 dan Mohamad Najib, 2011). Pendekatan terbaik dalam menilai tahap penghayatan Pendidikan Islam adalah dengan melakukan penilaian kepada tingkah

laku individu (Zakaria Stapa, 1994; Hassan Langgulung 1995; Imam Nawawi, 2002 dan Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2010). Penilaian dan pentaksiran perlu mempunyai pelbagai pendekatan selaras dengan penekanan membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh (Mohamad Najib, 2011; Abdul Zubir, 2007 dan Ahmad Marzuki, 2007).

1.2 Latar Belakang Masalah

Keruntuhan akhlak pelajar dapat dikurangkan melalui sistem yang menyeluruh dengan memanipulasi setiap aspek seperti proses penilaian dan pentaksiran pendidikan. Pembentukan akhlak yang cemerlang terhasil melalui sistem pendidikan yang holistik dan ia mungkin dapat membantu mengurangkan masalah sosial pada masa akan datang. (Norshaipah, 2002; Abdul Zubir, 2007 dan Tan, 1996). Permasalahannya, akhlak itu merupakan satu aspek yang sukar diukur dan memerlukan satu garis panduan dalam penilaian.

Pentaksiran secara holistik perlu diwujudkan agar generasi yang lahir daripada sistem pendidikan ini wujud sebagai masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia (Juanda Jaya, 2008; Abdul Zubir, 2007 dan Nik Azis, 1994). Malangnya, pentaksiran lazimnya difahami oleh pelajar sebagai peperiksaan yang perlu diambil untuk mendapat gred yang cemerlang. Persepsi pelajar terhadap pentaksiran perlu diperbetulkan. Menyahut cabaran inilah, sistem pendidikan yang berpusatkan peperiksaan telah diubah menjadi sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang lebih holistik. Bermula 2011, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR), masing-masing akan ditukar nama kepada Pentaksiran Sekolah Rendah (PSR) dan Pentaksiran Sekolah Menengah Rendah (PSMR).

Beberapa usaha penambahbaikan sedang dan telah dilakukan bagi memperbaiki kelemahan sedia ada. Antaranya ialah pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang mampu memberikan satu bentuk pentaksiran

menyeluruh potensi murid dengan penekanan yang hampir sama bagi aspek potensi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini dilaksanakan melalui penggabungan hasil pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dengan pentaksiran dan peperiksaan pusat. Strategi ini turut ditambah melalui pengenalan secara meluas penggunaan ujian psikometrik dalam pengumpulan data dan maklumat tentang perkembangan dan pertumbuhan murid. Selain itu, konsep pentaksiran murid diperluaskan skopnya bagi merangkumi aspek penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dan aspek lain berkaitan domain keinsanan dan sahsiah murid (Abdul Zubir, 2007; Akbariah, 2009 dan Habsah & Aminuddin, 2009).

Sistem pentaksiran murid lebih tertumpu kepada pentaksiran aspek intelek tanpa banyak memberikan tumpuan kepada penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi-potensi lain. Satu pentaksiran yang mampu mengukur akademik pelajar serta mengukur domain afektif dan psikomotor pelajar perlu diwujudkan. Konsep pentaksiran murid perlu diperluaskan skopnya bagi merangkumi domain keinsanan dan sahsiah murid (Abdul Zubir, 2007; Akbariah, 2009; Hamedah Wok Awang, 2009 Abdul Zubir, 2007 dan Ali Ab Ghani, 2008).

Seperti di peringkat sekolah, sistem pentaksiran di peringkat pengajian tinggi juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak pelajar. Banyak kajian dan pengalaman yang telah membuktikan tentang kepentingan pentaksiran di peringkat pengajian tinggi (Hamedah Wok Awang, 2009; Hassan Langgulung, 1995; Abdul Zubir, 2007 dan Ismail Awang, 2009). Pentaksiran dapat membentuk pengalaman pelajar dan mempengaruhi kelakuan mereka lebih daripada pengajaran yang mereka terima di dalam kelas. Maka, kewujudan sistem pentaksiran akhlak di peringkat pengajian tinggi, mungkin dapat membentuk dan mempengaruhi tingkah laku pelajar tersebut. Pentaksiran di peringkat pengajian tinggi juga merupakan satu proses pembelajaran. Kebanyakan pelajar akan menunjukkan komitmen yang tinggi sekiranya sesuatu itu diambil kira dalam peperiksaan mereka (Kubiszyn & Borich, 2007; Musial *et al.*, 2009; Heywood, 2000; Susan dan Peter, 2007; Cordelia & Karen, 2006; John & Archie, 2002 dan Martin, 2008).

Nilai dan sikap merupakan domain yang sukar diukur. Oleh yang demikian, peperiksaan selalu dikatakan tidak lengkap kerana tidak memberi maklumat yang

lebih holistik berkaitan dengan perkembangan dan peningkatan potensi individu seorang insan (Deanne & Robert, 2003; Akbariah, 2009; Hamedah Wok Awang, 2009 dan Abdul Zubir, 2007). Hal-hal seperti sahsiah, akhlak, nilai murni, budi pekerti, penampilan diri, kekuatan jasmani, rohani, emosi dan sosial sukar atau tidak mungkin dapat ditaksir sepenuhnya menggunakan peperiksaan (Nik Rosila, 2010; Wan Mohd Zahid 1993; Azhar, 2006 dan Azma Mahmodd, 2006). Nilai dan akhlak sukar dinilai kerana tidak diajar secara formal seperti mata pelajaran lain. Ia juga bukan sekadar diuji secara teoritikal malah perlu dinilai aspek amalan dan penghayatannya.

Penumpuan kepada pentaksiran kognitif berbanding pentaksiran afektif dan psikomotor dilihat sebagai antara masalah yang ketara dalam merealisasikan tujuan murni Pendidikan Islam di negara ini (Wan Mohd Zahid, 1993; Azhar, 2006 dan Aswati, 2007). Kejayaan perlaksanaan pendidikan pada dasarnya bukan sahaja melibatkan proses-proses kognitif, tetapi turut melibatkan proses-proses metakognitif (kesedaran emosi dan jiwa) iaitu perubahan tingkah laku dalam diri seseorang dan penghayatan dalam konteks kehidupan sebenar (Azhar, 2006; Hassan Langgulung, 1996; Azhar & Zawawi, 2009 dan Boud, 1995). Dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) KPM bertanggungjawab membangunkan keperibadian pelajar secara holistik (Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Pembinaan instrumen pentaksiran akhlak yang disahkan dan dipiawaikan dapat membantu mencapai hasrat tersebut.

Tidak terdapat banyak instrumen yang menilai aspek non kognitif yang dibina di Malaysia, khususnya pentaksiran akhlak. Menurut Azimi *et al.* (2006) hampir 100 instrumen non kognitif yang dihasilkan di negara barat banyak mengukur penghayatan beragama yang berfokus kepada agama Judeo-Kristian, menggunakan adaptasi model Glock dan Stark (1965). Antaranya ialah *Dimensions of Religious Commitment*, *Psychological Centrality Scale of Religion* yang dihasilkan oleh Prezyna (1977), *Gladding Scale of Religiosity* oleh Gladding *et al.* (1981). *Francis Scale of Attitude towards Christianity* oleh Francis (1989) dan *Spiritual and Religious Competency Assessment* oleh Sheri Jolene (2007).

Antara instrumen pentaksiran non kognitif yang dihasilkan oleh orang Islam adalah *The Moslem Attitude Towards Religion Scale* oleh Wilde & Joseph (1997). Instrumen ini mengukur penghayatan beragama pelajar Islam di Universiti Essex dengan mengubahsuai instrumen *Francis Attitudes Towards Christianity Scale* (1987). Selain itu, satu instrumen di hasilkan oleh Abdullah Sahin & Francis (2002) iaitu *Sahin-Francis Scale of Attitude Towards Islam*. Kemudian terhasil pula *Sahin Index of Islamic Moral Values* oleh Abdullah Sahin, Francis & Fahad al-Failakawi (2008). Semuanya lebih bersifat pentaksiran keagamaan.

Pentaksiran seharusnya dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran akhlak boleh meningkatkan keupayaan pelajar menumpu kepada apakah nilai yang baik dengan harapan dapat mengurangkan masalah sosial. Tahap keberkesanan sesuatu sistem tidak dapat dipastikan tanpa satu instrumen yang baik. Transformasi pendidikan oleh KPM dan KPTM perlu dilengkapi dengan pembinaan instrumen mengukur akhlak yang boleh membantu menilai pengajaran dari aspek akhlak.

Pentaksiran akhlak mungkin boleh menjadi asas kepada perubahan akhlak pelajar. Perlaksanaannya melibatkan respon dari aspek peribadi pelajar, tingkah laku pelajar, kognitif pelajar serta proses konstruktivisme. Ini sesuai dengan teori peribadi yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dan teori pembelajaran yang disarankan oleh pelbagai mazhab seperti mazhab kognitif dan konstruktivisme. Sebagai contoh, teori peribadi yang disarankan oleh Imam al-Ghazali menyatakan peribadi manusia dipengaruhi oleh matlamat hidupnya dan rangsangan luar sebagai motivasi. Sekiranya seseorang itu hidup dalam kelompok manusia yang berakhlak, maka suasana tersebut boleh menjadi rangsangan yang mempengaruhi keperibadian mereka.

Proses pelaksanaan instrumen ini juga melibatkan tahap pemikiran pembelajaran pelajar secara kognitif. Teori kognitif menekankan pembelajaran melibatkan proses pembentukan struktur kognitif dan bukan melibatkan pelaziman. Ia melibatkan interaksi akal, pengalaman sedia ada dan keadaan baru yang dihadapi seseorang. Ahli kognitif seperti Bruner, Kohlberg, Gauge, Piaget menyatakan pembelajaran adalah proses mental yang berlaku dalam akal fikiran dan tidak dapat

diperhatikan secara langsung (Sarafino, 2012; Choong, 2008; Bouton, 2007 dan Mook, 2008).

Lanjutan dari proses kognitif, tingkah laku dan sosial pelajar, ia akan merangsang pelajar membina sendiri pengetahuan, prinsip dan teori. Proses ini dipanggil sebagai proses konstruktivisme (Susan, 2007; Woler *et al.* 1998; Sarafino, 2012 dan Noriati *et al.* 2009). Daripada pentaksiran akhlak, pelajar boleh membina prinsip dan ilmu sendiri dengan mengenal pasti akhlak yang baik untuk dipraktikkan semasa menghadapi sesuatu keadaan. Sebagai guru atau pensyarah, mereka perlu membina satu keadaan yang kondusif bagi pelajar mengkaji serta memahami sesuatu dan menghasilkan intepretasi yang lebih baik.

Maka, satu instrumen penilaian akhlak yang dibina mungkin dapat merubah akhlak pelajar yang lebih baik jika berdasarkan teori yang dicadangkan dalam teori peribadi Imam al-Ghazali, teori mazhab kognitif dan konstruktivisme. Namun, sebelum dilaksanakan, instrumen itu sendiri perlu menepati ciri ujian yang baik seperti mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik, aspek kepenggunaan dan kebolehtadbiran yang praktikal serta kemudahtafsiran terhadap skor yang diperolehi (Mohamad Najib, 2011; Mohd Majid, 1990; Nitko, 2001; Robert, 2008 dan Aiken *et al.* 2006).

1.3 Pernyataan Masalah

Tidak banyak instrumen piawai yang dibina untuk mengukur tahap akhlak pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kebanyakannya adalah pentaksiran di peringkat sekolah seperti Inventori Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah (IPAPSM) yang dibina oleh Azhar Ahmad (2006), Instrumen pentaksiran sendiri Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Sekolah Menengah (SPPIP-M) yang dihasilkan oleh Azma Mahmood (2006), instrumen *Muslim Religiosity and Personality Inventory* (MRPI) yang dihasilkan Azimi Hamzah *et al.*

(2006) dan instrumen Sistem Pentaksiran Murid Musleh (SPMM) yang dihasilkan oleh penyelidik yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2006).

Kebanyakan kajian lepas juga bersifat pentaksiran sendiri dan dianalisis mengikut Teori Ujian Klasik. Analisisya pula terhad kepada mencari hubungan antara penghayatan akhlak dan pencapaian akademik pelajar. Penggunaan Teori Respon Item adalah tidak ketara dan tidak memfokuskan kepada pembinaan profiling akhlak pelajar. Tidak banyak instrumen yang dibuat dapat mengukur akhlak pelajar Muslim dan Non Muslim secara umum. Kebanyakan instrumen lebih menjurus kepada pembinaan pelajar Muslim sahaja. Analisis bias antara gender juga tidak banyak dilakukan terhadap instrumen sebelum ini.

Dengan itu, diharap kajian ini dapat membangunkan satu instrumen pentaksiran akhlak yang mempunyai ciri ujian yang baik menggunakan analisis Teori Respon Item dan Teori Ujian Klasik. Sasaran Instrumen ini adalah pelajar IPTA (Muslim dan Non Muslim) serta melibatkan pentaksiran sendiri dan pentaksiran rakan sebaya. Instrumen ini akan digunapakai untuk membina profil akhlak pelajar bagi tujuan rujukan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:-

- i) Membangunkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) berdasarkan rujukan utama al-Qur'an dan kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali.
- ii) Mengkaji Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) dengan ciri-ciri ujian yang baik dari segi keobjektifan, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan.
- iii) membina profil akhlak pelajar berdasarkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK).

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian, seperti berikut:-

- i) Membangunkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) berdasarkan rujukan utama al-Qur'an dan kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali
 - a) Apakah konstruk akhlak yang perlu dinilai dalam membangunkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK)?
- ii) Apakah set Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) mempunyai ciri-ciri ujian yang baik dari segi keobjektifan, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan?
 - a) Apakah tahap kesesuaian keobjektifan bagi IMPAK ?
 - b) Apakah tahap kesahan konstruk bagi IMPAK?
 - c) Apakah tahap ketepatan skala pengukuran bagi IMPAK?
 - d) Apakah tahap unidimensi item bagi IMPAK?
 - e) Apakah tahap kebolehpercayaan item bagi IMPAK?
 - f) Apakah tahap kebolehpercayaan individu bagi IMPAK?
 - g) Adakah item IMPAK bersifat adil dan tidak bias terhadap gender?
- iii) Bagaimanakah profil akhlak pelajar berdasarkan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK)?
 - a) Bagaimanakah tahap akhlak pelajar di Malaysia berdasarkan IMPAK?
 - b) Apakah aspek yang paling mudah dilaksanakan dalam IMPAK?

- c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pelaksanaan akhlak pelajar IPTA jika dikaji dari aspek demografi (jantina, agama dan aliran)?
- d) Bagaimanakah profil akhlak pelajar di IPTA berdasarkan IMPAK?

1.6 Rasional Kajian

Kajian ini perlu dijalankan berdasarkan kesedaran kepentingan akhlak sebagai asas kejayaan individu dan keharmonian negara (Abu Bakar, 1979; Harlina Halizah, 2006; Hassan Langgulung, 1991; Hosein Mozaheri, 2006; Mahmud Al-Mishri, 2009 dan Mohd Nasir bin Omar, 2005). Penekanan akhlak dalam diri pelajar dapat membantu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan melahirkan pelajar cemerlang dari semua aspek. Kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan akhlak juga dapat dipupuk.

Islam telah menggariskan akhlak sebagai satu elemen terpenting dalam kehidupan (Tim Akhlak, 2003; Hosein, 2006 dan Mahmud al- Mishri, 2009). Hadith Rasulullah yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari menyatakan bahawa *“Apabila elok akhlak remaja di sebuah negara itu, maka akan majulah negara tersebut, namun jika rosak akhlak remaja sesebuah negara itu, maka akan hancurlah negara tersebut”*. Hadith ini menunjukkan pelajar IPT yang merupakan pemimpin masa hadapan adalah pencetus kemajuan negara. Mereka perlu dipelihara dari anasir-anasir jahat yang mengganggu gugat jati diri dan keperibadian akhlak mulia.

Pentadbir di IPT perlu memanipulasi sistem untuk menerapkan dan melaksanakan nilai akhlak dalam diri pelajar. Melalui sistem tersebut, akan terdidik dalam diri dan pemikiran mereka konsep akhlak mulia sebagai satu budaya. Pentaksiran yang lebih holistik dan menekankan akhlak perlu diwujudkan setelah disedari kepentingan akhlak dalam pembangunan modal insan. Ini bukan sahaja merupakan transformasi dalam sistem pentaksiran pengajian tinggi yang sedia ada di Malaysia, malah dalam jangka masa panjang ia boleh melahirkan lebih ramai

generasi yang memandang akhlak sebagai satu aspek yang tidak boleh dilanggar dan diremehkan begitu sahaja.

Kajian ini dapat menjadi pencetus terhadap penerapan dan penglobalisasian pentaksiran akhlak. Secara fitrahnya, manusia akan memberikan respon kepada apa yang dinilai dan ditaksir dengan lebih baik berbanding sesuatu yang diterapkan tanpa sebarang penilaian (Susan & Peter, 2007; Wynne, 2008 dan Robert, 2008). Transformasi pentaksiran akhlak sebagai sesuatu yang diambilkira di dalam sistem penggredan dan pemarkahan pelajar, dapat memberikan perhatian terhadap elemen tersebut dengan lebih serius.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam sistem pendidikan terutama pada peringkat pengajian tinggi. Pelaksanaan kajian ini melibatkan pelbagai pihak dan memberi kesan secara langsung kepada pihak yang menggubal, mengimplementasi dan juga kepada mereka yang tidak terlibat secara langsung (Ab Aziz Yusof, 2008; Mook, 2008; Noriati *et al.*, 2009 dan Choong, 2008).

1.7.1 Pelajar

Kajian ini mempunyai kepentingan yang utama kepada pelajar IPT itu sendiri memandangkan mereka merupakan sasaran pentaksiran ini. Melalui kajian ini, pelajar diberi pendedahan terhadap konsep pentaksiran yang holistik dan bersepadu serta lebih menjurus kepada pembentukan akhlak dalam diri. Tanpa kajian ini, aspek utama yang perlu dibangunkan dalam diri mereka sukar dikenal pasti.

Kajian ini dapat membudayakan akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar. Mereka sentiasa sedar bahawa mereka ditaksir dan perlu bertindak balas dengan

positif terhadap pentaksiran itu supaya mendapat pencapaian yang baik dalam laporan prestasi mereka. Walaupun keadaan ini kelihatan seperti suatu paksaan, namun imam al-Ghazali menyatakan, dalam melatih anak-anak bersolat contohnya, paksaan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dengan berkesan (Imam al-gahzali terjemahan Asy'ari Khatib, 2007). Menurut beliau, dari paksaan ini akan lahir kebiasaan dan keikhlasan. Inilah yang hendak ditonjolkan dalam kajian ini iaitu pelaziman dan pembudayaan akhlak berdasarkan satu stimuli terhadap pentaksiran akhlak dalam kalangan pelajar IPT. Pelajar akan sentiasa sedar matlamat yang perlu dicapai dan menjadi lebih bertanggungjawab terhadap diri dan tugas mereka.

Kajian ini dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar terhadap konsep pentaksiran. Mereka bukan sahaja akan mentaksir diri mereka yang juga merupakan satu proses refleksi, malahan mereka diberi tanggungjawab untuk mentaksir rakan sebaya. Tanggungjawab yang diberikan ini melatih sikap kepimpinan dan keadilan dalam diri (Heywood, 2000; Orsmond *et al.* 2000; Race, 1998 dan Searby *et al.* 1997). Perlunya pelajar sebagai pentaksir kerana mereka lebih arif tentang diri mereka dan lebih bijak menilai tahap yang hendak disasarkan dan perlu dicapai. Mereka juga boleh menilai serta mengubah sikap (*self-regulated*) untuk mencapai tahap yang lebih baik (Macbeath, 2003; Heywood, 2000; Orsmond *et al.* 2000; Stefani, 1994 dan Susan & Peter, 2007).

1.7.2 Pensyarah

Walaupun kajian secara khususnya mentaksir dan menilai akhlak pelajar, namun secara tidak langsung ia memberi kesan dan kepentingan kepada para pensyarah. Pensyarah merupakan contoh kepada pelajar dan perlu menunjukkan teladan yang baik. Walaupun para pensyarah tidak dinilai dan ditaksir, mereka yang akan mentadbir pentaksiran ini dan terdorong untuk menjadi contoh kepada pelajar untuk membentuk personaliti yang baik dalam diri (Springer *et al.*, 2009; Secolsky, 2012; Susan & Peter, 2007; Susan, 2008 dan Wynne, 2008). Tanpa kajian ini juga, pengukuran akhlak sukar dinilai oleh pensyarah kerana tiada alat ukur atau instrumen yang sah yang dapat digunakan mereka.

Pentaksiran akhlak ini pada awalnya kelihatan agak membebankan para pensyarah. Namun, bagi mereka, kecintaan terhadap pelajar dan tanggungjawab boleh dizahirkan melalui komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada amanah mendidik anak bangsa serta tanggungjawab melaksanakan segala amanat dengan ikhlas. Sekiranya pensyarah mempunyai sikap berdedikasi dalam mendidik anak bangsa dan komited dalam melaksanakan tugas ia adalah cara untuk menempa kecemerlangan dalam arena pendidikan negara (Mohamad Shatar, 2006; Zaharah, 2008; Ab Halim & Zarin dan Ahmad Diniah, 1995).

Kajian ini membantu para pensyarah mendapatkan maklumat tahap akhlak pelajar dan membolehkan mereka menyelitkan elemen pendidikan akhlak di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dapat mengenal pasti beberapa masalah awal yang dihadapi oleh para pensyarah dalam melaksanakan sistem pentaksiran akhlak. Para pensyarah secara tidak langsung akan menjadi lebih kreatif dalam mendidik, bersikap lebih bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan akhlak pelajar.

1.7.3 Ibu Bapa

Kajian ini tidak melibatkan ibu bapa secara langsung ataupun sebagai pentaksir, namun ia dapat memberi pengaruh kepada ibu bapa terutamanya ibu bapa pelajar yang menuntut di IPT. Tiada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke universiti dengan harapan anak mereka menjadi si Tanggang yang berjaya dalam hidup, tetapi menjadi anak yang derhaka kelak. Tanpa pentaksiran ini, konsep dan persepsi mereka terhadap pentaksiran sukar diubah, kerana beranggapan pelajar yang cemerlang hanya di dalam akademik sahaja. Pentaksiran akhlak mungkin dapat mengubah persepsi mereka.

Pentaksiran akhlak perlu didedahkan kepada ibu bapa, agar konsep bahawa kejayaan itu bukan hanya memerlukan markah yang tinggi dalam peperiksaan, tetapi perlu mempunyai akhlak dan keperibadian yang mulia. Pentaksiran yang lebih holistik, dapat mengubah pemikiran ibu bapa yang hanya menitikberatkan pembangunan aspek kognitif dalam diri anak mereka.

Melalui kajian ini, ibu bapa dapat menerapkan akhlak mulia dalam diri anak-anak sejak daripada kecil. Suntikan pembudayaan secara halus ini, sebenarnya memberi kesan yang besar kepada cara didikan ibu bapa kepada anak-anak mereka (Saat Sulaiman, 2006; Hassan Langgulung, 1998; Kamarul Azmi & Siti Fauziyani, 2007 dan Nik Rosila, 2010). Maka, ibu bapa perlu dimaklumkan berkaitan pentaksiran ini agar mereka dapat memainkan peranan serta merupakan satu bentuk dakwah terhadap diri mereka sendiri.

1.7.4 Masyarakat

Perlaksanaan pentaksiran akhlak ini akan dapat menghasilkan satu kumpulan masyarakat yang berakhlak mulia, harmoni dan berjaya. Pengaplikasian akhlak mulia dalam kehidupan bermasyarakat, dapat mengekalkan keharmonian, kerukunan dan perpaduan tidak mengira bangsa dan agama (Majid Ersan, 1997; Abdul Mukmin, 2006 dan Wan Hassan, 2004). Tanpa pentaksiran akhlak ini, penghayatan akhlak dalam kalangan masyarakat mungkin kurang mendalam. Pembudayaan akhlak juga kurang ditekankan berbanding kecemerlangan dalam aspek material.

Pelajar IPT merupakan satu kelompok sosial yang membentuk masyarakat. Mereka diberi kepercayaan besar oleh masyarakat untuk menjadi pemimpin dalam sesebuah organisasi. Maka, adalah sangat penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang celik akhlak iaitu memilih dan memberi kepercayaan bukan sahaja kepada pemimpin yang mempunyai intelek yang tinggi, malahan mempunyai akhlak yang mulia. Pertimbangan akhlak menjadi pertimbangan utama dalam segala urusan bermasyarakat.

1.7.5 Universiti

Kajian ini memberi kesan yang besar terhadap Pentadibir IPT. Pentaksiran akhlak ini dapat melahirkan pelajar yang baik dan seimbang seperti dapat melahirkan jurutera, pendidik, doktor, pemimpin dan apa sahaja pekerjaan dalam bidang profesionalisme yang mempunyai intelek yang tinggi dan akhlak yang mulia. Tanpa

kajian ini, pihak Universiti mungkin sukar untuk merancang aktiviti membangunkan kecemerlangan sahsiah dalam diri pelajar.

Pentaksiran akhlak dapat memartabatkan sistem pentaksiran di peringkat pengajian tinggi ke arah pentaksiran yang lebih holistik. IPT boleh memurnikan sistem penggredan pelajar dengan memasukkan elemen pentaksiran akhlak ke dalam laporan prestasi dan pencapaian pelajar sepanjang menuntut di institusi pengajian.

Keputusan kajian ini memberi gambaran kepada pihak pentadbir di peringkat pengajian tinggi dalam usaha merangka aktiviti kerohanian, aktiviti sosial dan kurikulum pelajar terutamanya bagi pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP). Pihak HEP boleh menggunakan maklum balas pentaksiran ini dalam membangunkan kriteria pelajar berasaskan aspek akhlak yang diperlukan oleh mereka.

1.7.6 Kementerian Pengajian Tinggi

Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkenaan potensi akhlak pelajar. Pihak KPT yang merupakan pihak atasan dan penggubal polisi dan kurikulum di peringkat pengajian tinggi dapat menggunakan maklumat tersebut dalam merangka dan menggubal apa sahaja aktiviti dan keputusan yang berkait dengan perkembangan sahsiah pelajar. KPT juga merupakan agen pembangunan negara. Tanpa kajian ini, FPK mungkin tidak dapat dicapai dengan lebih sempurna, maka pentaksiran akhlak mungkin salah satu cara untuk membantu.

Pihak KPT dapat memperkemas sistem pentaksiran peringkat pengajian tinggi sedia ada supaya menjadi lebih menyeluruh dan seimbang. Ini selari dengan hasrat KPT yang ingin melahirkan graduan yang cemerlang intelegnya dan mempunyai akhlak serta keterampilan diri yang mulia.

Pihak KPT boleh merancang satu strategi yang lebih baik untuk melaksanakan pentaksiran ini seperti menyediakan jadual berkala, menghebahkan kepada masyarakat dan memberi panduan kepada pensyarah dan pelajar dalam

melaksanakannya. Satu dasar perlu dibentuk bagi melicinkan lagi sistem pentaksiran ini. Insentif boleh diberikan kepada pihak yang terlibat sebagai galakan dan motivasi dalam melaksanakan pentaksiran ini.

1.8 Skop dan Kekangan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada penilaian akhlak dan tidak membahaskan domain lain seperti kognitif dan psikomotor. Konstruk yang dibina dalam kajian ini hanya tertumpu kepada pertuturan, perilaku dan personaliti pelajar. Instrumen yang dibina adalah berpandukan kepada rujukan utama iaitu al-Qur'an dan hadith serta kitab Ihya' Ulumuddin karangan imam al-Ghazali yang menyentuh bab akhlak sahaja dan tidak melibatkan soal aqidah dan ibadah.

Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar di IPTA sebagai responden. Pelajar IPTS tidak dilibatkan kerana ingin mengawal homogeniti ciri-ciri sampel kajian. Pensyarah dan ibu bapa tidak dilibatkan sebagai pentaksir setelah mengambil kira ciri-ciri kepenggunaan dan kebolehtadbiran yang rendah. Kajian ini mengandaikan bahawa pelajar bersikap jujur dalam menilai diri mereka dan mentaksir rakan sebaya. Mereka yang menjadi pentaksir dianggap tidak mendedahkan identiti diri kepada rakan yang ditaksir. Pelaksanaan ini bergantung kepada kejujuran dalam mentaksir diri dan mentaksir rakan. Pentaksir dianggap telah memahami konsep pentaksiran yang dijalankan dan mentaksir dengan amanah, adil dan beretika.

Kajian ini secara utamanya menggunakan analisis Model Pengukuran Rasch dalam pembinaan instrumen khususnya dalam menentukan kesahan, kebolehpercayaan, item bias, kalibrasi skala, ciri unidimensi dan kesepadanan item. Kajian ini juga terhad kepada analisis *gender differential item functioning* sahaja dan tidak mengkaji fungsi item terhadap agama dan aliran. Kesahan yang dianalisis di sini hanya merujuk kesahan kandungan dan kesahan konstruk. Kesahan semasa dan kesahan ramalan tidak dilibatkan kerana objektif kajian ini hanya melibatkan dan menilai IMPAK dan tidak melibatkan ujian atau instrumen lain seperti yang

diperlukan untuk menganalisis kesahan semasa dan kesahan ramalan (Mohamad Najib, 2011; Popham, 1990; Robert, 2008 dan Linn & Miller, 2005).

Pemilihan analisis Model Pengukuran Rasch sebagai pengukuran utama dalam kajian ini adalah kerana statistik item di dalam model ini adalah tidak bergantung pada sampel dan ujian. Maka instrumen yang dihasilkan menjadi lebih tekal dan sesuai digunakan untuk sampel yang lain. Model ini juga mempunyai kelebihan dari aspek analisis untuk pembangunan instrumen (Wright & Masters, 1982; Wu & Adam, 2007; Alagumalai, *et al.*, 2005 dan Azrilah, 2010).

Penyelidik beranggapan dalam kajian ini bahawa pentaksiran akhlak ini adalah sangat penting dan perlu dipraktikkan di peringkat pengajian tinggi. Sistem penggredan sedia ada juga dianggap perlu mengalami satu transformasi dengan mengambil kira markah pentaksiran akhlak dan dimasukkan dalam pengiraan purata nilai gred keseluruhan (PNGK) pelajar sebagai laporan prestasi mereka.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Beberapa teori telah digunakan sebagai asas dalam kajian ini. Terdapat tiga peringkat utama dalam kajian ini, iaitu peringkat pembangunan instrumen, peringkat penilaian ciri-ciri instrumen yang baik dan pembinaan profil pelajar. Teori yang digunakan dalam penilaian akhlak didasari oleh 4 teori utama iaitu Teori Peribadi Imam al-Ghazali, Teori Penaakulan Moral Kohlberg dan Teori Konstruktivisme.

Ahli psikologi Islam telah membezakan dua jenis tingkah laku (Hassan Langgulung, 1991; Tohirin, 2008; Wan Hussain Azmi, 1994 dan Abdul Rahman Shaleh, 2008) iaitu:-

- a) Tingkah laku intelektual atau tinggi. Tingkah laku ini bermaksud perbuatan yang dilakukan oleh seseorang mempunyai hubungan

dengan kehidupan jiwa dan intelektual. Ciri utama bagi tingkah laku ini adalah berusaha dalam mencapai tujuan tertentu.

- b) Tingkah laku mekanisme atau reflektif. Tingkah laku ini merupakan gerak balas yang lahir pada manusia secara mekanisme dan tetap, seperti kerdipan mata kerana terkena cahaya.

Kajian ini menggunakan teori Peribadi menurut Imam al-Ghazali. Beliau memandang tingkah laku sebagai sesuatu yang mempunyai tujuan agama dan kemanusiaan. Tingkah laku itu berkait antara manusia dengan penciptanya, antara manusia sesama manusia dan antara manusia dengan makhluk di sekelilingnya iaitu alam sekitar. Secara ringkasnya pendapat Imam al-Ghazali tentang tingkah laku adalah seperti berikut (Syed Nawab, 2010 dan Hassan Langgulung, 1999):-

- i) Tingkah laku itu mempunyai penggerak (motivasi), pendorong, tujuan dan objektif.
- ii) Motivasi itu bersifat am yang muncul dari dalam diri manusia, tetapi dirangsang dengan rangsangan luar mahupun dalam yang berhubung dengan keperluan jasmani dan kecenderungan fitrah seperti lapar dan takut kepada Allah.
- iii) Tingkah laku ini mengandungi rasa keperluan dengan perasaan tertentu dan kesedaran akal terhadap suasana tersebut. Ini semua disertai oleh aktiviti yang tidak terpisah dari rasa, perasaan dan kesedaran terhadap suasana tersebut.
- iv) Kehidupan psikologi adalah suatu perbuatan dinamis iaitu interaksi terus menerus antara tujuan atau motivasi dan tingkah laku.
- v) Tingkah laku bersifat individu yang berbeza menurut perbezaan faktor keturunan dan perolehan atau proses pembelajaran.
- vi) Tingkah laku mempunyai dua peringkat. Peringkat yang pertama adalah manusia berdekatan dengan semua makhluk hidup. Peringkat kedua adalah mencapai cita-cita ideal dan mendekatkan diri dengan makna ketuhanan dan tingkah laku malaikat. Tingkat pertama dikuasai oleh motivasi dan faktor kegopohan, sedangkan tingkat kedua dikuasai oleh kemahuan dan akal.

Seperti yang dinyatakan tadi, Imam al-Ghazali menekankan tingkah laku manusia itu berhubungan dengan penciptanya, dengan manusia di sekelilingnya dan dengan persekitarannya itu sendiri. Dalam kajian ini, tingkah laku manusia adalah difokuskan kepada tingkah laku sesama manusia yang dinilai dari sudut akhlaknya. Maka Teori Peribadi dalam Psikologi Islam telah menjadi panduan bagi hubungan tingkah laku antara manusia ini.

Teori Peribadi dalam Psikologi Islam yang dipelopori oleh imam al-Ghazali pada umumnya bersifat tiga dimensi dan mempunyai tiga komponen iaitu jasmani, psikologi dan logikal. Peribadi manusia itu juga pada asasnya mempunyai tiga peringkat iaitu:-

a) *Al-Nafs al-Ammarah*

Ini merupakan tingkat kesedaran paling rendah dalam jiwa manusia. Nafsu ini adalah nafsu seperti makan, tidur, keganasan, kerakusan dan emosi-emosi seperti benci, cinta dan marah. Istilah ini terdapat di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

“Sesungguhnya nafsu itu mengajak kepada kejahatan”

(Surah Yusof :53)

(Sumber: al-Quran al-Karim)

b) *Al- Nafs al-Lawwamah*

Nafsu ini pula berkaitan dengan jiwa dan merupakan tingkat pertengahan kesedaran yang berkaitan dengan rasional atau tingkat hati nurani. Terdapat dalam al-Qur'an yang bermaksud:-

“Aku tidak bersumpah dengan jiwa yang menegah”

(Surah al-Qiyamah :75)

(Sumber: al-Quran al-Karim)

c) Roh

Roh pula merupakan tingkat yang paling tinggi dan paling hampir kepada asal Ilahi, seperti yang terdapat dalam al-Qur'an, maksudnya:-

“Ketika telah aku siapkannya. Aku menghembuskan kepadanya roh Ku”

(Surah al-Hijr 28-29)

(Sumber: al-Quran al-Karim)

Menurut teori ini, peribadi manusia itu kadangkala bersifat seperti haiwan, kadangkala bersifat sederhana dan kadangkala bersifat sangat baik sehingga seakan menghampiri tuhan. Ini bersesuaian dengan keimanan manusia yang bersifat berubah-ubah.

Teori Peribadi Imam al-Ghazali juga menekankan 4 unsur utama. Unsur yang pertama adalah unsur kehaiwanan (*bahimiyah*) iaitu nafsu atau syahwat. Tujuannya adalah agar manusia mencapai kesihatan badan, sebagai alat dari roh supaya manusia terus hidup. Ia bertanggungjawab atas kualiti kehaiwanan yang ada pada manusia seperti makan, tidur dan hubungan seks.

Unsur yang kedua ialah kebuasan (*sabu'iyah*) iaitu sifat marah. Tujuannya untuk menjaga fizikal daripada segala yang dapat melukai jasmani. Unsur inilah yang melahirkan sifat seperti cemburu, ganas dan suka berkelahi. Jika tidak dikendalikan kedua-dua unsur tersebut, ia boleh membawa kepada kehancuran individu.

Pada peringkat seterusnya, umur pembezaan (*tamyiz*) dan unsur kenakalan (*syaitaniyah*) diperkenalkan. Ia memerlukan *tamyiz* untuk menghakimi cara-cara kenakalan. Daripada sifat inilah lahir sifat sombong, angkuh dan permusuhan. Bagi orang yang darjah sifat marah ini rendah maka ia dapat dikawal.

Unsur yang terakhir adalah penjelmaan unsur ketuhanan (*rabbaniyah*). Pada peringkat ini manusia mempunyai sumber kualiti yang suka kepada pujian,

kekuasaan dan pengetahuan. Keempat-empat unsur ini ada disebut dalam buku Ihya' ulumuddin.

Teori seterusnya adalah teori Perkembangan Penaakulan Moral oleh Kohlberg (1963). Teori ini adalah hasil lanjutan daripada Teori Kognitif yang dikemukakan oleh Jean Piaget dan John Dewey (Oon Seng Tan *et al.*, 2011; Chadee, 2011 dan Sarafino, 2012). Menurut Kohlberg, pada tahap tertentu, individu akan mempelajari apa yang benar dan salah. Seseorang juga pada dasarnya cenderung mempraktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan dan pelbagai jenis aspek moral yang lain, walaupun mereka tidak mengetahui maksud moral yang sebenar (Kohlberg, 1973; Oon Seng Tan *et al.* dan Shaffer, 2004).

Kohlberg telah membahagikan tiga tahap utama dalam perkembangan penaakulan moral. Perkembangan ini telah ditetapkan mengikut peringkat umur berdasarkan hasil kajiannya (Kohlberg, 1973; Oon Seng Tan *et al.*, dan Shaffer, 2004). Tahap yang pertama adalah tahap pra konvensional melibatkan peringkat umur bayi hingga 9 tahun, kemudian peringkat konvensional iaitu berumur 9 hingga 20 tahun dan akhir sekali bagi mereka yang melebihi umur 20 tahun iaitu dikenali sebagai peringkat pos konvensional.

Pada tahap pra konvensional, kanak-kanak lebih mementingkan sesuatu kesan dan tindakan yang akan terjadi pada diri mereka. Pada tahap ini mereka merasakan peraturan yang ditetapkan oleh orang yang lebih dewasa adalah betul. Mereka juga merasakan bahawa mereka akan didenda sekiranya tidak mematuhi nilai atau peraturan yang ditetapkan. Pada peringkat ini, mereka hanya mengambil kira unsur-unsur luar seperti hukuman dan dendaan dan tidak mengambil kira unsur keadilan.

Pada tahap konvensional pula, individu beranggapan sesuatu yang betul itu adalah apa yang dianggap baik oleh sebahagian besar masyarakat. Pada tahap ini, konsep dorongan sendiri memainkan peranan untuk melakukan apa yang boleh diterima oleh orang lain atau masyarakat. Pada peringkat terakhir pula, iaitu peringkat tertinggi, individu mula meneroka pilihan, memilih alternatif lain dalam penaakulan moral. Mereka mula mempunyai kod moral dan etika tersendiri. Dua

peringkat yang terdapat pada tahap ini merupakan etika kontrak sosial dan hak individu dari etika prinsip sejagat.

Akhir sekali ialah Teori Pembelajaran Konstruktivisme. Teori ini beranggapan bahawa pembelajaran dan tingkah laku perlu dibina sendiri oleh pelajar berdasarkan pengalaman dan bukan hanya menerima. Pengetahuan dibina apabila maklumat diproses pada peringkat kognitif dan menjalankan proses adaptasi. Teori ini juga berkembang dari aspek kognitif ke aspek sosial. Dalam aspek sosial, pelajar membina pengetahuan berdasarkan penglibatan dengan orang lain dan memberi pengalaman untuk pelajar menilai sesuatu dan meningkatkan pengetahuan (Woolfolk, 2013; Bandura, 1977; Biggie & Shermis, 1999 dan bouton, 2007).

Pemilihan gabungan ketiga-tiga teori ini adalah kerana ia saling berkait antara satu sama lain. Pembentukan akhlak dalam Teori Peribadi Imam al-Ghazali melibatkan proses kerohanian dalam diri manusia yang merangkumi pemikiran individu. Semakin seseorang itu dewasa, pemikiran mereka terhadap sesuatu yang nyata dan tersembunyi adalah semakin matang dan mendalam. Mereka dapat mengaitkan aspek kebaikan dan kerohanian dengan kesucian diri, kehendak sekeliling dan juga kepentingan agama.

Teori ini mempunyai persamaan dengan Teori Penaakulan Moral Kohlberg. Dalam Teori Penaakulan Moral Kohlberg, perlakuan moral manusia berkembang mengikut umur mereka. Hal ini mempunyai persamaan dengan Teori Peribadi Imam al-Ghazali. Manusia mula membuat justifikasi mengenai sesebuah nilai bergantung pada persepsi masyarakat, etika sejaga dan kod moral. Ini menunjukkan kedua-dua teori menekankan nilai yang diterima oleh masyarakat. Perbezaannya hanyalah nilai dalam Teori Peribadi Imam al-Ghazali adalah berlandaskan ketetapan nas al-Qur'an dan tidak boleh ditolak, manakalan nilai dalam Teori Penaakulan Moral Kohlberg boleh berubah mengikut norma, kepercayaan dan penerimaan sesebuah masyarakat.

Teori Konstruktivisme juga mempunyai persamaan dengan Teori Peribadi Imam al-Ghazali dan Teori Penaakulan Moral. Teori Konstruktivisme menekankan pembinaan tingkah laku pelajar adalah berdasarkan pemikiran dan bukan hanya menerima. Hal ini sama dengan Teori Peribadi Imam al-Ghazali yang menganjurkan

pemikiran manusia harus mengatasi nafsu ammarah. Pemikiran adalah satu proses penting bagi manusia membuat pertimbangan nilai yang baik dan buruk. Begitu juga dengan Teori Penaakulan Moral Kohlberg yang menunjukkan manusia itu membuat pertimbangan pemikiran yang lebih baik selari dengan kematangan mereka. Mereka tidak hanya menerima sesuatu nilai seperti yang diajar oleh ibu bapa sewaktu manusia kecil. Secara rumusannya, proses kognitif terlibat dalam ketiga-tiga teori dalam pembentukan nilai. Namun, Imam al-Ghazali menekankan pemikiran manusia yang terhad ini memerlukan bantuan wahyu dan hadis. Kerana kekuatan ini lah, Teori Peribadi Imam al-Ghazali menjadi pegangan utama pemilihan teori dalam kajian ini.

Setersunya, teori yang terlibat dalam menilai ciri instrumen yang baik dalam pentaksiran ialah Teori Respon Item dengan menggunakan Model Logistik Satu Parameter (1PL). Teori ini juga dikenali sebagai Teori Sifat Laten (*Latent Trait Theory*) yang merupakan teori pengukuran moden dalam menganalisis item (Wim & Hambleton, 1996 dan Ayala, 2008) dan dapat membebaskan kebergantungan antara kebolehan pelajar dengan kesukaran item. Teori ini telah menjadi teraju kepada pengukuran moden seperti pengukuran perbandingan antara keupayaan pelajar, pembinaan item bank, pengujian adaptif dan lain-lain.

Teori Respon Item mempunyai dua ciri yang utama. Pertama, ia mempunyai respon pembolehubah yang berbentuk dikotomi iaitu 1 untuk respon yang benar dan 0 untuk respon yang salah dan berbentuk politomus iaitu mempunyai kepelbagaian pilihan jawapan. Keduanya teori ini mempunyai lengkung karakteristik item yang berbentuk seperti huruf *S*. Terdapat 3 jenis parameter item yang boleh dimasukkan ke dalam model iaitu Logistik Satu Parameter (1PL), Dua Parameter (2PL), dan Tiga Parameter (3PL). Kajian ini menggunakan model Logistik Satu Parameter (1PL).

Pembangunan Instrumen melibatkan analisis kesahan, kebolehpercayaan, kalibrasi skala, ciri unidimensi, kesukaran item, kesepadanan item dan item bias yang diuji menggunakan model Logistik 1 Parameter dalam Teori Respon Item. Selepas instrumen memenuhi ciri item yang baik, ia ditadbir kepada responden untuk pembinaan profil akhlak. Akhlak di sini melibatkan konstruk Pertuturan, Perilaku dan Personaliti. Proses Pembentukan akhlak di sini berdasarkan Teori Peribadi Imam

al-Ghazali, Teori Perkembangan Penaakulan Moral Kohlberg dan Teori Konstruktivisme. Teori ini membuktikan bahawa tingkah laku boleh diukur dan dipengaruhi pelbagai faktor dalaman dan luaran. Maka, IMPAK merupakan instrumen yang dapat digunakan dalam proses pengukuran akhlak tersebut.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Pembangunan Instrumen

Pembangunan ialah usaha membina dan membangunkan sesuatu. manakala instrumen merujuk sebagai alat yang dibangunkan dan mempunyai ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk mentaksir sesuatu. Pembangunan instrumen melibatkan beberapa langkah yang dilakukan oleh pengkaji bagi menghasilkan instrumen. Langkah-langkah yang dilakukan ialah melakukan diagnosis analisis dokumen dan buku-buku serta temubual panel pakar, melakukan analisis kandungan kualitatif yang komprehensif, mendapatkan kesahan isi kandungan melalui panel pakar, korelasi Pearson untuk kesahan kriteria dan analisis faktor untuk kesahan konstruk. Menurut Mohamad Najib (2011), pembangunan instrumen yang baik perlu mempunyai ciri keobjektifan, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan.

1.10.2 Penilaian

Penilaian merupakan salah satu proses dalam pentaksiran selepas proses pengujian dan pengukuran (Robert, 2008; Susan, 2004 dan Salvia, & Ysseldyke, 2001). Penilaian melibatkan proses yang sistematik dalam pengumpulan, penganalisan dan penginterpretasian daripada analisis yang diperolehi. Ia dapat menjawab di manakah tahap seseorang berdasarkan gred ataupun kriteria yang telah ditetapkan (Mohamed Najib, 1997 dan Susan, 2004).

Penilaian itu terbahagi kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif dilakukan secara berterusan dan bertujuan untuk penambahbaikan dalam pengajaran. Manakala penilaian sumatif merujuk kepada penilaian yang sering berlaku di akhir kursus atau program (Cohen & Swerdlik, 2002; Kline, 2005 dan Hulse, 2006). Dalam kajian ini, ia melibatkan penilaian formatif pada peringkat pertama dan penilaian sumatif pada peringkat kedua. Penilaian yang dilakukan juga melibatkan penilaian secara rujukan norma dan rujukan kriteria.

Penilaian dalam kajian ini merujuk kepada penilaian yang dilakukan secara berperingkat dan bertulis. Penilaian ini juga adalah berbentuk rujukan kriteria dan dinilai menggunakan instrumen yang dibina dalam penilaian akhlak pelajar. Penilaian ini melibatkan proses pengujian dan pengukuran. Aspek pentaksiran boleh dilakukan selepas instrumen ini digunakan secara konsisten menggunakan prosedur pentaksiran yang sesuai.

Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) dalam kajian ini ialah satu pengumpulan data terhadap diri pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam. Instrumen ini dibina untuk pelajar Muslim dan Non Muslim. Penilaian akhlak merangkumi konstruk Pertuturan, Perilaku dan Personaliti. Di bawah konstruk Pertuturan, terdapat sub konstruk Ekspresi Pertuturan dan Mesej Pertuturan, manakala di bawah konstruk Perilaku, terdapat 5 sub konstruk iaitu Amanah, Ihsan, Rendah Hati, Sabar dan Hubungan Sosial. Konstruk Personaliti pula mempunyai 2 sub konstruk iaitu Kebersihan dan Pemakaian

a) Pertuturan

Menurut Jumali (2012) dan Anderson & Shames (2011) pertuturan ialah kebolehan untuk menghasilkan bunyi dan penyebutan perkataan. Pertuturan merupakan alat utama dalam komunikasi secara lisan. Pertuturan melibatkan bahasa sebagai medium penyampaian.

Dalam kajian ini akhlak dalam pertuturan membawa maksud adab semasa pelajar bertutur dan berkomunikasi. Ia melibatkan dua sub konstruk yang diukur iaitu

Mesej Pertuturan dan Ekspresi Pertuturan. Mesej pertuturan adalah kandungan yang disampaikan dalam pertuturan melibatkan bahasa yang digunakan dan perkataan yang dikeluarkan. Ekspresi pertuturan pula menunjukkan riak semasa pertuturan seperti dengan berwajah manis, marah, sopan, beradab dan sebagainya.

b) Perilaku

Baumeister & Bushman (2011) mendefinisikan perilaku sebagai tingkah laku atau tindakan yang boleh dilihat samada oleh orang yang melakukan atau orang lain dalam suatu masa dan tempat. Ramai ahli Psikologi menyatakan bahawa perilaku adalah sesuatu yang boleh diukur. Perilaku adalah fenomena dalam diri individu. Ia melibatkan pergerakan dan berlaku dalam keadaan yang sebenar. Perilaku adalah sesuatu yang bersifat dinamik dan boleh berubah.

Dalam kajian ini, perilaku yang diukur adalah melibatkan sifat amanah, ihsan, rendah hati, sabar dan hubungan sosial. Sifat amanah adalah sifat menjaga sesuatu dengan penuh kepercayaan termasuklah harta benda, kehormatan diri, hak-hak manusia dan agama (Haron Din, 2007 dan Mahmud al- Mishri, 2009). Ihsan pula ialah sikap berbuat baik dalam melakukan sesuatu perkara (Othman Napiyah, 2006 dan Tohirin, 2008). Ihsan sesama manusia bererti berbuat baik dan merasa belas kasihan kepada insan lain.

Rendah hati ialah merendahkan diri secara rohani dan hati dan bukannya secara fizikal. Rendah hati ini melibatkan rendah hati kepada Allah dan manusia. Rendah hati ini adalah bersifat *tawadhu'* dan tidak sombong (Yunahar, 1999; Abu Bakr, 1986; Al-Hufy, 2009 dan Akhmal Moh Zain, 2009). Mereka yang mempunyai sikap rendah hati adalah manusia yang tidak ego dan sentiasa berlapang dada dalam menerima kritikan. Sabar ialah menahan diri dari sifat yang tidak terarah samada dari hati, lisan mahupun perbuatan. Hubungan sosial di sini merupakan beberapa himpunan akhlak yang sering terlibat dalam hubungan mu'amalah pelajar semasa berada di bilik kuliah dan asrama.

c) Personaliti

Personaliti membawa erti keperibadian dan perwatakan seseorang (Olson & Hergenahn, 2011 dan Engler, 2009). Perkataan personaliti berasal dari perkataan Inggeris iaitu '*personalite*' dan perkataan Latin '*Personalis*' yang membawa maksud peribadi atau sifat peribadi seseorang. Dalam kajian ini, personaliti pelajar dikaji dari aspek kebersihan dan pemakaian mereka.

Kebersihan di sini melibatkan kebersihan pelajar terhadap diri, pemakaian dan tempat tinggal mereka dari sebarang kekotoran. Ini termasuklah rutin harian seperti membersihkan diri, mengemas pakaian kotor dan mencuci kekotoran di tempat tinggal. Aspek pemakaian pula melibatkan pemakaian yang menepati syariat dan memenuhi etika yang meliputi juga aspek kekemasan dan kesesuaian pemakaian.

1.10.3 Akhlak

Akhlak menurut Al-Jurjani dalam Syaikh Khumais As Sa'id ialah budi pekerti yang merupakan tabiat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong untuk melakukan perbuatan dengan mudah tanpa perlu berfikir dan mempertimbangkan terlebih dahulu perlakuannya itu (Abu Muhammad, 2009). Apabila perbuatan yang muncul dengan mudah dari tabiat tersebut dianggap baik menurut akal dan syari'at maka ia disebut sebagai akhlak mulia. Namun sebaliknya, apabila yang muncul berupa perbuatan buruk maka ia disebut sebagai akhlak yang buruk dan tercela (Hosein, 2006; Muhammad Abdullah Darraz, 1987 dan Muhammad Khair, 1999).

Istilah akhlak daripada bahasa Arab ada kaitan dengan dua istilah lain iaitu '*khaliq*' (tuhan pencipta) dan '*makhlud*' (ciptaan), daripada kata akar yang sama iaitu '*khalaqa*' (mencipta). Akhlak mencakupi makna moral dan etika iaitu sifat dan perlakuan yang baik, halus, benar dan patut yang dipunyai oleh seseorang yang memberikan kebaikan kepada dirinya dan orang lain. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (Fadhilah & Muhamad, 1999) akhlak atau adab adalah kepatuhan dan pengiktirafan sesuatu pada tempat dan keadaan yang benar. Dalam erti kata lain,

adab merupakan perlakuan pada sifat adil yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Berne (1964) menyatakan akhlak ialah tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia yang pada asasnya tidak terlepas dari pengaruh-pengaruh persekitaran terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Namun manusia tidak terikat dan terkongkong dengan keputusan itu, malah mereka mempunyai keupayaan memilih. Tetapi malangnya tidak semua mempunyai keupayaan memilih dengan baik.

Tolman (1932) menyatakan bahawa akhlak ialah semua tingkah laku yang mempunyai matlamat yang tertentu. Dalam mencapai matlamat tersebut, manusia menggunakan alat, jalan dan tanda petunjuk yang mempunyai kaitan dengan matlamat yang ingin dicapai. Alat, jalan dan tanda itu dapat dihasilkan melalui satu proses pembelajaran yang telah meninggalkan satu pengalaman yang membentuk metakognitif dan peta kognitif di dalam mental seseorang.

Rokeach (1973) mendefinisikan akhlak sebagai satu kepercayaan yang kukuh, bahawa sesuatu kelakuan atau keadaan adalah lebih baik berbanding dengan kelakuan atau keadaan yang sebaliknya dan berlaku dalam konteks peribadi dan sosial. Wrightsman (1977) merumuskan akhlak sebagai satu set kepercayaan yang teratur dan konsisten. Hofstede (1980) melihat akhlak sebagai teras pemikiran atau program yang mengawal minda dan akan menentukan kebaikan dan keburukan setiap pilihan.

Terdapat perbezaan antara akhlak, moral dan etika. Akhlak secara umum adalah peraturan yang ditetapkan oleh Allah iaitu bersumberkan asas wahyu ataupun syarak (Haron Din, 2007; Hassan Langgulung, 1991 & 1995 dan Mohd Nasir, 2005). Ia dijadikan panduan untuk manusia bertingkah laku samada kepadaNya, sesama manusia mahupun kepada alam sekitar. Akhlak mulia adalah sesuatu yang bersifat universal dan tidak hanya sesuai untuk agama Islam sahaja. Etika adalah satu sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan selain daripada wahyu iaitu bersumberkan

falsafah. Etika merupakan satu cabang aksiologi daripada 4 cabang utama falsafah selain metafizik, epistemologi dan logik.

Etika adalah ciptaan yang dihadkan oleh manusia yang diselaraskan dengan keinginan dan pemahaman manusia berkenaan hidup. Oleh kerana itu dalam undang-undang etika, jiwa keagamaannya lebih ternyata. Etika adalah satu sains pembelajaran mengenai perlakuan yang baik dan buruk. Walaubagaimanapun etika berbentuk relatif dan berubah-ubah, bergantung kepada corak dan budaya sesuatu masyarakat dan mempunyai satu kod etika yang mungkin berbeza terhadap satu permasalahan yang sama (Muhammad Uthman, 1988; Naddlehoffer *et.al.*, 2010 dan Nik Rosila, 2010).

Moral itu juga amat berkait dengan etika. Kedua-duanya membincangkan perbuatan manusia untuk ditentukan samada ia baik ataupun buruk. Moral itu berasal dari bahasa Latin iaitu Morales yang bermaksud kebiasaan, budi pekerti dan perangai. Bezanya adalah etika itu berlaku dengan pertimbangan akal dan fikiran, manakala moral adalah adat kebiasaan dan adat istiadat yang biasa berlaku dalam masyarakat (Haron Din, 2007; Reimer *et.al.*, 1970 dan Syed Nawab, 2010).


Akhlak dalam kajian ini hanya menyentuh aspek muamalah pelajar dan tidak melibatkan hukum *fiqh*. Aspek yang dikaji adalah aspek pertuturan, perilaku dan personaliti pelajar dalam kehidupan harian mereka di kampus.

1.11 Rumusan

Pendahuluan dalam bab ini menyentuh kepentingan akhlak mulia terhadap pembangunan modal Insan. Pendidikan merupakan salah satu cara membentuk akhlak mulia dan kewujudan sistem pentaksiran akhlak menjadi salah satu cara untuk mengurangkan masalah sosial dalam kalangan pelajar. Latar belakang masalah meyoroti isu pentaksiran di Malaysia yang mementingkan aspek kognitif dan kurangnya instrumen yang mengukur domain afektif. Kekurangan instrumen

pentaksiran akhlak di IPTA menjadi sokongan utama pembangunan instrumen dalam kajian ini. Instrumen dalam kajian ini disasarkan kepada pelajar Muslim dan Non Muslim di IPTA. Instrumen ditadbir menggunakan penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya. Data dianalisis dengan menggunakan analisis Pengukuran Rasch dan digabungkan sedikit dengan analisis Teori Ujian Klasik bagi menguji persamaan dan perbezaan.

Sebanyak 3 objektif utama telah ditetapkan merangkumi aspek pembangunan instrumen, pengujian instrumen dan pembinaan profil akhlak pelajar. Rasional dan kepentingan kajian menyentuh kepentingan pentaksiran akhlak di IPTA dan manfaat yang boleh diterima oleh pelajar, pensyarah, ibu bapa, masyarakat, pihak universiti dan pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Skop dan limitasi kajian menunjukkan had dan kekangan semasa pelaksanaan kajian. Kerangka teori kajian menunjukkan teori-teori yang mendasari pembangunan instrumen dan pelaksanaan kajian. Teori peribadi Imam al- Ghazali, Teori Perkembangan Moral dan Teori Konstruktivisme dijadikan asas proses pelaksanaan instrumen. Teori Item Respon pula mendasari teori penilaian dalam kajian ini. Akhir sekali, definisi istilah memberi penerangan yang lebih khusus terhadap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian.



Rajah 1.1: Kerangka teori kajian

RUJUKAN

- Al-Ghazali (2006) *terjemahan* al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi. *Ihya' lumuddin: Pengajaran bagi orang-orang mukmin*. Bandung: Darul Fajr
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum ad-Dīn*, Jilid 2 dan 4. Kaherah: Maktabah as Safa.
- Ab. Aziz Yusof (2008). *Mengurus perubahan dalam organisasi*. Selangor :Arah Publications
- Ab Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2002). Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2006). *Pembangunan modal insan*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara
- Abdullah Ahmad Badwi (2006). 'Membina Tamadun Menjulung Martabat Negara: Ucapan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi Semasa Membentangkan Usul Mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 Di Dewan Rakyat 31 Mac 2006', Website JPM.
- Abdullah Sahin, Francis, L.J & Fahad Al-Failakawi (2008). Psychometric properties of two Islamic Measures among young adults in Kuwait: The Sahin-Francis Scale of Attitude toward Islam and the Sahin Index of Islamic Moral Values. *Journal of Muslim Mental Health*, 3:9-24
- Abdullah Sahin dan Francis, L.J. (2002). Assessing attitude towards Islam among Muslim adolescents: the psychometric properties of the Sahin-Francis Scale. *Muslim Education Quarterly*, 19(4): 35-47

- Abdul Halim Abdul Raof (2002). *The production of a performance rating scale : an alternative methodology*. Skudai : UTM
- Abdul Mukmin Sa'aduddin (2006). *Meneladani akhlak Nabi : membangun kepribadian Muslim*. Bandung : Rosdakarya.
- Abdul Rahman Abdullah (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Abdul Rahman Shaleh. (2008). *Psikologi: Suatu Pegantar dalam Perspektif Islam*. Jakarta: Prenada Media
- Abdul Zubir Hj Abdul Ghani (2007). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di kalangan Guru Tingkatan Tiga*. Tesis Ph.D Universiti Malaya
- Abdurrahman Azam (2004). *Keagungan Nabi Muhammad S.A.W : kepahlawanan dan keindahan akhlak Rasulullah*. Selangor.Crescent News (K.L) Sdn.Bhd,
- Abu 'Abdullah Husain Nashir Muhammad Thaib al-Mas'udi al-Banjari (2006). *Hidayatush-shibyan fi ma'rifatil-Islam wal-iman*. Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan :Al-Hidayah
- Abu Bakar Aceh (1979). *Akhlak dalam Islam : filsafat dan pendidikan budi pekerti menurut ajaran Al-Quran dan hadis*. Kota Bharu :Pustaka Aman
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Book.
- Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (1986). *Adab muslim*. Kota Bahru :Pustaka Aman Press
- Abu Muhammad Tolha Al-Khairi (2009) *Teladan sepanjang zaman : peribadi nabi anugerah suci*. Selangor :Thinker's Library
- Agensi Antidadah Kebangsaan (2008).Maklumat Dadah. Putrajaya :Agensi Antidadah Kebangsaan
- Ahmad Ali Ibn Hajar Al-Asqalani (2002). *Lisan al-mizan*. Beirut :Dar al-Basha'ir al-Islamiyah
- Ahmad Amin (1974). *Kitab al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy.
- Ahmad Amri Zainal Abidin (2004). *Hubungan empirikal antara tret personaliti dan penghayatan iman*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Ahmad Diniyah Ihsan (1995). *Penghayatan nilai akhlak dalam Pendidikan Islam di kalangan pelatih-pelatih Islam maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ahmad Marzuki Ismail (2007). *Penyediaan diri kearah pembentukan modal insan*. Kuala Lumpur :Karisma Publication
- Ahmad Muhammad Al-Hufy (1978). *Akhlak Nabi Muhammad saw : keluhuran dan kemuliaanya*. Jakarta :Bulan Bintang.
- Ahmad Munawar Ismail (2009). *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2003). *Gejala sosial dalam masyarakat Islam*. Kuala Lumpur :Utusan Publications
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (2003). *Wawasan 2020 Malaysia : memahami konsep, implikasi dan cabaran*. Kuala Lumpur :Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Ahmed M. Mukarram (2006). *Miracles of holy prophet*. New Delhi :Anmol Publications.
- Aidh Abdullah Al-Qarni terjemahan Dr. Mohd. Puzhi Bin Usop (2010). *Adab berdialog dan strateginya*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication
- Aiken, L.R. & Groth-Marnat, G. (2006). *Psychological testing and assessment*. Ed. ke-12. Boston, MA: Pearson Education Group, Inc.
- Aiken, L.R. (2000). *Psychological Testing and Assessment* (Eight Ed.). Boston: Allyn and Bacon
- Aiken, L.R. (1996). *Rating scales and checklists: Evaluating behavior, personality, and attitudes*. Boston: Allyn and Bacon
- Airasian, Peter W. (2000). *Assessment in the Classroom: A concise approach Second Edition* McGraw-Hill Higher Education
- Akbariah Mohd. Mahdzir (2009). Penerokaan ciri - ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis Malaysia (IPPKM) dan model pemikiran kritis Malaysia. *Tesis Phd.*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia
- Akhmal Mohd Zain (2009). *Asas pengetahuan Agama Islam*. Kuala Lumpur :Ar-Hidayah.
- Al-Abrasyi, Muhammad 'Athiyah (1964). *At-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Darul Qaumiyah li-Thiba'ah Wa an-Nasyr.
- Al-Adawy Musthafa (2006). *Fiqh al-akhlak wa al-muamalat baina al-mu'minin*. Terj. Salim Bazemool dan Taufik Damas Lc. Jakarta: Qisthi Press.

- Al-Hasyimi, Muhammad Ali (2007). *Keperibadian seorang Muslim*. Terj. Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Al-Hufy, Ahmad Muhammad (2009). *Keluhuran dan kemuliaan akhlak Nabi Muhammad*. (Terj.) Selangor: Al-Falah Publications.
- Al-Syaibani, Omar Muhamad al-Toumy (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Prof Dr Hasan Langgulung. Shah Alam: Hisbi
- Alagumalai, S., Curtis, D.D. & Hungi, N. (2005). *Applied Rasch Measurement: A book of exemplars*. Springer-Kluwer
- Alan Bryman (2006). *Mixed methods*. London :SAGE Publications
- Alberto, P.A., & Troutman, A.C. (2009). *Applied behavior analysis for teachers*. (8th ed.). Boston, MA: Pearson
- Alexander, P.A., & Winne, P.H. (2006). *Handbook of educational psychology* (2nd ed.), NJ:Erlbaum
- Ali Ab. Ghani. 2008. Membangun Modal Insan. Kertas kerja Utama *Konvensyen Nasional PIPP Kedua*. 24 -27 November 2008 di Institut Amunudin Baki Genting Highland Pahang. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia
- Amla Mohd Salleh (2010) *Pendidikan kerjaya dan pembangunan modal insan*. Bangi, Selangor :Penerbit UKM
- Anastasi (1988) *Psychological testing*. Ed. Ke-6. New York: Mcmillan Publishing Company
- Anastasi, A. & Urbina, S. (1997). *Psychological Testing*. 7th ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Anderman, E.M., & Anderman, L.H. (2010). *Motivating Children and adolescents in schools*. Columbus, OH: Merrill / Prentice Hall
- Anderson, N.B & Shames, G.H. (2011). *Human Communication Disorders*. 8th edition. Boston: Pearson.
- Andrich, D. (1978). Application of a psychometric rating model to ordered categories which are scored with successive integers. *Applied Psychological Measurement*, 2, 581-594.
- Ansari, F.R. (1983). "Tazkiyah: The Role of the Prophet" dalam *Islamic Order*, Vol. 5, No.4

- Ariffin Omar (2006). *Sedekah : jaminan keharmonian umat menurut sunah*. Kuala Lumpur :Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Ariffin Omar (2004). *Dosa-dosa besar : dalil Al-Quran dan hadis*. Kuala Lumpur :Utusan Publications & Distributors
- Arnold, L (1981). Use of peer evaluation in the assessment of medical students. *Journal of Medical Education*, 56.
- Assessment Reform Group. (1999). *Assessment for learning: Beyond the black box*. Cambridge, UK: University of Cambridge School of Education
- Ashcraft, D. (2011). *Personality Theories Workbook*. 5th ed. Belmont, USA: Wadsworth, Cengage Learning
- Asmawati Suhid (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Asmawati Suhid (2007) Pengajaran Adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum*. Jilid 8: 167-178
- Asmawati Suhid (2006). Pengajaran Adab Akhlak Islamiah dalam membangunkan modal insan. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5): Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah*, hal. 115- 120. Fakulti Pendidikan UKM
- Aswati Hamzah. 2007. *Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu*. Tesis Ph.D Universiti Sains Malaysia.
- Authur, H. (1995). Students self evaluation: how useful, how valid?, *International Journal of Nursing Studies*, 32: 271-6
- Ayala, R.J. (2008). *The theory and practice of Item Response Theory*. The Guilford Press.
- Azhar Ahmad (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azimi Hamzah, Steven Eric Krauss @ Abdul Lateef Abdullah, Sidek Mohd Noah, Turiman Suandi, Rumaya Juhari, Jamiah Manap, Khairul Anwar Mastor, AzmaMahmoud & Hasnan Kassan. 2006. *Muslim Religiosity and Personality Indexing: Implications for Nation Building*. Serdang: Institute for Social Science Studies Universiti Putra Malaysia.
- Azma Mahmoud & Hasnan Kassan (2007). *Muslim Religiosity Personality Assessment: Prototype for Nation Building*. Serdang: Institute for Social Science Studies Universiti Putra Malaysia.

- Azizan Bharuddin (1992). Ethics and Environment.- an Islamic Perspective. *National Seminar on Ethics and Environment*.4-5 August, UKM. Bangi: PTSL
- Azizi Yahaya (2009) *Modal insan : membentuk keluarga berkesan*. Skudai :Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azma Mahmood (2006). *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azrilah Abdul Aziz (2012). *Asas model rasch : pembentukan skala dan struktur pengukuran*. Penerbit UKM.
- Azrilah Abdul Aziz (2010). *Rasch Model Fundamentals: Scale Construct and Measurement Structure*. Kuala Lumpur: Integrated Advance Publishing
- Azrilah, A.A., & Saidfudin,M. (2008). Application of Rasch model in validating the construct of measurement *.International Journal of Education and Information Technologies*. Volume 2. Page 105-112
- Babbie, E. (1992). *The practice of social research* (6th ed). Belmont, CA: Wadsworth.
- Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006).*Rancangan Malaysia Ke – 9: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan(PIPP) 2006 – 2010 Edisi Pelancaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory* .Englewood Cliffs, NJ:Prentice Hall
- Barbara E. Walvoord (1998). *Effective grading : a tool for learning and assessment*. San Francisco :Jossey-Bass
- Bateman,A., Teasdale, T.W, dan Willmess,K. (2009). Assessing construct validity of the self rating version of the European Brain Injury Questionnaire using Rasch Analysis. *Neuropsychological Rehabilitation: An International Journal*. Volume 19, Issue 6. Hlmn 941-954
- Baumeister, R.F & Bushman, B.J (2011). *Social Psychology and Human Nature*. 2nd Edition. Belmont, CA: Cengage Learning.
- Belden,K.A (2004). Development of an adult retrospective recall measure of childhood televisyen viewing. Unpublished doctoral dissertation. University of Arkansas,Little Rock
- Berne, E. (1964). *Games people play: The psychology of human relationships*. New York: Grove Press.
- Bigge, L.M & Shermis, S.S. (1999).*Learning Theories for Teachers*.Longman Publisher

- Black, PJ and Wiliam, D. (1998). *Inside the black box: Raising Standards Through Classroom Assessment*. London: King's College
- Black, P., Harrison, C., Lee, C., Marshall, B. and William, D. (2003) *Assessment for Learning: Putting It Into Practice*. Maidenhead: Open University Press.
- Bloxham, S. & Boyd, P. (2007). *Developing Effective Assessment in Higher Education: A Practical Guide*. Maidenhead, UK :Open University Press.
- Bond,T.G., & Fox,C.M (2007). *Applying the Rasch Model: fundamental measurement in the Human Sciences (2nd ed.)*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Boud, D. (2000). Sustainable assessment: rethinking assessment for the learning society, *Studies in continuing Education*, 22(2): 151-67
- Boud, D. (1995). *Enhancing Learning Through Self-Assessment*. London: Kogan Page
- Boud, D. (1990) Assessment and the promotion of academic values, *Studies in Higher Education*, 15(1), 101-111
- Bouton, M.E. (2007). *Learning and behavior : a contemporary synthesis*. Underland, Mass: Sinauer Associates, Publishers
- Bostock, S. (2000) *Student Peer Assessment*.
www.heacademy.ac.uk/embedded_object.asp?id=21631&filename=Bostock
 (accessed 3 March 2010)
- Bradley, K., Sampson, S. & Royal, K. (2006). Applying the Rasch Rating Scale Model to Gain Insights into Students' Conceptualisation of Quality Mathematics Instruction. *Mathematics Education Research Journal*, 18(2), 11-26.
- Brayman, A. (2006). *Mixed Methods*. London: Sage Publications
- Brookhart, S.M. (2008). *Assessment and grading in classrooms*. Upper Saddle River, NJ: Pearson/Merrill Prentice Hall
- Brookhart, S.M. (2009). *Grading*. 2nd ed. New York: Merrill
- Brookhart, S.M. (2011). *Grading and learning : practices that support student achievement*. Bloomington, IN :Solution Tree Press
- Brown, F.G. (1970). *Principles of educational and psychological testing*. Hinsdale Illinois: The Dryden Press Inc.
- Brown, F.G. (1983). *Principles of Educational and Psychological Testing*. 3rd ed. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

- Brown, S., Sambell, K. and McDowell, L. (1998). What do students think about assessment? 107-112 in *Peer Assessment in Practice*, Brown, S. (ed.) (SEDA paper 102) Birmingham: SEDA
- Brown, S. and Dove, P. (1990). *Self and Peer Assessment*. SCED
- Brown, T., Unsworth, C., Lyons, C. (2009). An evaluation of the construct validity of the developmental Test of Visual-Motor Integrating Using the Rasch Measurement Model. *Australian Occupational Therapy Journal*. Dec;56(6):393-402.
- Burns, Roberts B. (2000) *Introduction to research methods*. London: Sage Publication
- Byrne, B.M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS : basic concepts, applications, and programming*. 2nd edition. New York :Routledge
- Chadee, D. (2011). *Theories in social sociology*. Malden: MA: Wiley- Blackwell
- Cheng Pei Eng (2009). Penentuan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur metakognitif dengan analisis model Rasch.” *Prosiding Conference on scientific and social research*. Nombor artikel 1442616
- Choong Lean Keow (2008). *Siri Pendidikan Perguruan : Murid Dan Alam Belajar Untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Selangor
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku . Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill
- Clifton f. Conrad & Ronald C. Serlin (2006). *The sage handbook for research in education . engaging ideas and enriching inquiry*. Sage publication. Thousand Oaks,
- Cloninger, S.C. (2007). *Theories of Personality: Understanding Person*. 6th Edition. Prentice Hall
- Coffey, J., Sato, M., & Thiebault, M. (2005). Classroom assessment-up close and personal. *Teacher Development*, 9(2).
- Cohen, R.J. & Swerdlik, M.E. (2002). *Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement*. Ed. ke-5. Boston: Mcgraw-Hill.
- Cohen, R.J (2010). *Psychological testing and assessment : an introduction to tests and Measurement*. 7th edition. oston :McGraw-Hill Higher Education
- Conrad & Ronald C. S (2006). *The sage handbook for research in education . engaging ideas and enriching inquiry*. Clifton f. Sage publication. Thousand Oaks, London, new Delhi

- Cook L.L. & Eignor D.R. 1991. An NCME instructional module on IRT equating methods. *Educational Measurement: Issues and Practice* 10: 37-45
- Cook, L.L & Eignor , D.R (1991). IRT Equating Methods. *Educational Measurement: Issues and Practices*. Vol 10, Issues 3, pg 37-45
- Cordelia Bryan & Karen Clegg (2006). *Innovative assessment in higher education* . New York :Routledge
- Cozby, P.C. (2009). *Methods in Behavioral Research*. 10th ed. New York, NY : McGraw-Hill
- Creswell, John W (2009). *Research design : qualitative, quantitative, and mixed methods approaches 3rd ed.*. London :SAGE Publications
